



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD
(Company No. 902884V)

PENYATAAN TUNJUK MINAT

"ASSOCIATED WORKS FOR THE CONSTRUCTION AND COMPLETION OF VIADUCT GUIDEWAY, ELEVATED STATIONS AND DEPOT MAINTENANCE FOR PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KLANG: JAJARAN SUNGAI BULOH – KAJANG (KVMRT-SBK)"

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd ("**MRT Corp.**") adalah sebuah syarikat milik penuh kerajaan Malaysia yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan bagi memudah, melaksana dan mempercepatkan projek infrastruktur pengangkutan awam yang telah diluluskan oleh kerajaan. Kerajaan telah melantik **MRT Corp.** sebagai Pemilik MRT dan MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd sebagai Rakan Pelaksana Projek ("Project Delivery Partner: **PDP**") yang bertanggung jawab melaksana dan menyiapkan sistem MRT yang dikenali sebagai "PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KLANG: JAJARAN SUNGAI BULOH – KAJANG (KVMRT-SBK)". Projek KVMRT-SBK akan melibatkan pembinaan rangkaian keretapi yang akan menjadi tulang belakang kepada sistem pengangkutan awam Lembah Klang bagi memenuhi keperluan Rakyat. Sistem pengangkutan awam bersepadu ini akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya bertaraf dunia disamping menjana ekonomi dan meningkatkan produktiviti Rakyat.

MRT Corp. mengalu-alukan **Penyataan Tunjuk Minat** dari kontraktor-kontraktor Bumiputera **PKK Kelas D, E & F** dan **CIDB Gred G4** dan ke bawah yang layak bagi kerja-kerja "Associated Works for Construction and Completion of Viaduct Guideway, Elevated Stations, Depots and other associated works for Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang : Jajaran Sungai Buloh – Kajang (KVMRT-SBK)"

1. Syarat-Syarat :-

- a) Kontraktor yang mempunyai pendaftaran **PKK Kelas D, E** atau **F** dan **CIDB Gred G4** dan **ke bawah**. Alamat pendaftaran kontraktor **MESTILAH** berada samada di dalam daerah **Hulu Langat, Petaling** atau **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**.

2. Senarai kerja-kerja yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

- a) Penyelenggaraan jalan sedia ada
- b) Perparitan
- c) Senitaman dan penanaman rumput
- d) Perabut jalan
- e) Pagar dan pintu pagar
- f) Hentian teksi dan bas
- g) Dan kerja-kerja awam yang lain

Syarikat yang ingin mengemukakan Penyataan Tunjuk Minat bagi projek di atas boleh berbuat demikian dengan mengisi Borang Maklumat yang boleh dimuat turun di laman sesawang MRT Corp., www.kvmrt.com.my. Borang Maklumat yang telah dilengkapkan hendaklah dihantar bersama-sama profil syarikat, yang merangkumi sekurang-kurangnya: salinan pendaftaran syarikat yang sah, salinan butiran pensijilan, salinan sijil status bumiputera, profil syarikat, struktur organisasi, resume, butir-butir projek terdahulu dalam bidang yang sama untuk tiga (3) tahun yang lepas (berserta Surat Perakuan Penerimaan dan Sijil Penyiapan), pengalaman projek semasa dengan Pengesahan daripada pemilik projek mengenai kemajuan, dan salinan penyata bank yang diperakui benar untuk tiga (3) bulan. Penyataan Tunjuk Minat ini boleh dihantar dengan tangan / pos berdaftar ke alamat berikut:-

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd
Unit Perhubungan Bumiputera
Hal Ehwal Pihak Berkepentingan dan Tanah, 5th Floor Menara I&P 1,
Jalan Dungun, Damansara Heights 50490 Kuala Lumpur

Tarikh tutup serahan penyataan ini adalah tidak lewat dari pukul **12.00 tengahari** pada **Selasa, 7 Ogos 2012**.

Sebarang pertanyaan berhubung dengan notis ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui faks ke talian **03-2095 2121** atau melalui emel ke procurement@mymrt.com.my

Panggilan Penyataan Tunjuk Minat ini adalah jemputan untuk saringan sahaja, dan penyerahan Penyataan Tunjuk Minat oleh mana-mana pihak tidak akan menimbulkan apa-apa proses atau obligasi kontrak yang lain, tersurat mahupun tersirat. MRT Corp. tidak mempunyai kewajipan untuk menerima mana-mana Penyataan Tunjuk Minat. Semua pihak dimaklumkan bahawa penyerahan Penyataan Tunjuk Minat ini tidak menjamin bahawa mereka akan dijemput untuk menender dan tiada sebab-sebab yang akan diberi bagi penolakan mana-mana penyerahan Penyataan Tunjuk Minat ini. MRT Corp. tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan dan / atau kerugian yang dialami di dalam Penyataan Tunjuk Minat ini.